AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 11
RUANGAN : PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

# 465 kes cubaan bunuh diri

Dilaporkan kepada KKM bagi tempoh Januari hingga Julai 2020

**KUALA LUMPUR**

Sejumlah 465 kes cubaan bunuh diri dilaporkan dan menerima rawatan di Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bagi tempoh Januari hingga Julai tahun ini.


DR ADHAM

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba berkata, bagaimanapun, data itu adalah merujuk kepada kes yang menerima rawatan di fasiliti kesihatan KKM sahaja dan bukan disebabkan oleh impak pandemik Covid-19 semata-mata.

"Sebanyak 9,502 kes yang merujuk secara khusus kepada bilangan kes gangguan mental dan tingkah laku bunuh diri yang telah discaj daripada hospital KKM dicatatkan sepanjang tempoh Januari hingga Julai 2020," katanya dalam jawapan bertulis di Dewan Rakyat di sini semalam.

Maklumat itu sebagai menjawab soalan **Hannah Yeoh (DAP-Segambut)** mengenai status terkini rancangan mewujudkan pangkalan data khas kes bunuh diri di Pusat Registri Bunuh Diri Kebangsaan Malaysia bagi memastikan data terperinci direkodkan, peruntukan yang diperlukan, jumlah kes bunuh diri dan trend terbaharu kes kesihatan mental yang direkodkan di Malaysia sejak Mac 2020.

Dr Adham berkata, KKM telah membentangkan kertas cadangan pembangunan Sistem Registri Kebangsaan bagi kes-kes bunuh diri dan kecederaan fatal iaitu National Suicide and Fatal Injury Registry Malaysia (NSFIRM) pada 21 Mei lalu kepada Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri.

Projek ini telah disenaraikan di dalam projek Rolling Plan 1 Tahun 2021, Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12) dengan peruntukan sebanyak RM4.2 juta. - *Bernama*